

Harapan rakyat Iraq perang dapat dihindarkan

UM 2 1 FEB 2003

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Rakyat Iraq dengan penuh harapan sedang mengikuti perkembangan Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang akan mengeluarkan kenyataan khas yang diyakini boleh menghindari perang ke atas Baghdad.

“Rakyat Iraq dan seluruh negara kami mengikuti perkembangan sidang kemuncak ini yang dianggap sebagai salah satu usaha penting bagi mengelakkan peperangan dan menyokong keamanan.

“Kami amat berharap kepada Malaysia dan semua rakan NAM yang lain yang sama-sama berjuang menegakkan keamanan dan mengelakkan keganasan,” kata Duta Iraq ke Malaysia, Kais Subhi Al-Yacoubi kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata, memandangkan NAM merupakan perhimpunan terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Iraq amat berharap sidang kali ini akan mencapai matlamat yang diperjuangkan oleh rakyat negara itu.

Sehubungan itu, jelas beliau, Iraq akan berusaha mendapatkan pendirian sebulat suara NAM bagi menentang

penindasan Amerika Syarikat (AS) dan negara-negara sekutunya terhadap Baghdad.

Menurut Kais Subhi, pendirian sebulat suara negara-negara anggota NAM untuk memperjuangkan keamanan amat penting sekarang bagi mengelakkan ancaman perang AS.

Beliau yakin semua negara anggota NAM turut berkongsi pendirian dengan Malaysia yang amat prihatin terhadap kesan-kesan serius yang akan timbul jika AS melancarkan serangan dan kekerasan ke atas negaranya.

Beliau percaya sidang kemuncak NAM akan mencapai keputusan dan pendirian sebulat suara yang memihak kepada Iraq.

“Iraq akan berusaha dalam rangka kerja sidang kemuncak ini untuk mendapatkan pendirian sebulat suara di kalangan negara-negara anggota NAM,” katanya.

Terdahulu beliau menghadiri Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) NAM selama dua hari yang bermula pagi ini.

Kais Subhi turut menghargai usaha Malaysia dalam memberi penekanan terhadap isu Iraq sebagai salah satu agenda utama sidang kemuncak kali ini.

Katanya, Iraq juga amat menghargai usaha murni Malaysia di bawah pucuk pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam memperjuangkan nasib rakyat Iraq yang tertindas.

“Langkah ini sangat dihargai dan kami ingin menyuarakan penghargaan kami kepada pucuk pimpinan kerajaan Malaysia yang mengambil langkah penting ini.

“Ia juga mengukuhkan lagi kewibawaan Malaysia untuk memimpin NAM dalam tempoh tiga tahun yang akan datang agar menjadi sebuah

kuasa pakatan dunia,” katanya.

Beliau juga yakin di bawah kepimpinan Malaysia, NAM kini bersedia untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara anggotanya.

Berhubung dengan mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam pada Rabu ini, Kais Subhi berkata, ia merupakan usaha tambahan Malaysia dan negara anggotanya melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap saudara Islam.

“Kami juga melihat langkah ini sebagai usaha Malaysia mengumpulkan sokongan bagi menentang perang dan mencari penyelesaian secara aman bagi mengelakkan kemusnahan dan malapetaka di rantau Asia Barat,” katanya.

Sehubungan itu, beliau juga menyokong isu Palestin diberi perhatian memandangkan ia mempunyai persamaan dengan Iraq yang menghadapi penindasan dan ancaman ganas,

“Rakyat Palestin juga sedang ditindas dan dikepung oleh rejim Israel seperti Iraq yang kini terkepung,” katanya.